

Kesahihan data penarafan dipantau

Georgetown: Universiti Sains Malaysia (USM) yang disenaraikan di kedudukan 326 dalam QS World University Rankings 2012/2013, akan memantau kesahihan data, kaedah dan hasil penarafan yang dijalankan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Omar Osman, berkata ada banyak badan penilai lain yang harus dilihat jika ingin menilai pencapaian sebenar USM dan sama sekali tidak wajar menjadikan penarafan itu sebagai satu-satunya rujukan.

Katanya, walaupun USM berada dalam kelompok 350 universiti terbaik dunia mengikut penarafan itu, ada badan lain mengiktiraf beberapa pusat pengajian di USM sebagai antara 100 terbaik dunia.

"Penarafan berkenaan (QS World University Rankings) te-

tap diperlukan bagi menilai pencapaian USM berbanding kelompok universiti terbaik dunia, tetapi kita tidak taksub dengan penarafan itu," katanya pada sidang media sempena Konvokesyen USM ke-46 tahun ini.

Naik 9 anak tangga

Mengikut QS World University Rankings 2012/2013 yang dikeluarkan baru-baru ini, keduduan USM naik sembilan tangga kepada 326 yang turut menyaksikan Universiti Mala-ya (UM) kekal universiti terbaik negara ini apabila berada pada tangga 156.

Universiti Kebangsaan Ma-laysia (UKM) pula berada di tangga 261, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 358 (naik tiga tangga) manakala Univer-siti Putra Malaysia (UPM) me-rosot dua tangga kepada 360

berbanding 2011.

Penarafan meragukan

Penarafan terbaru itu menimbulkan keraguan kepada Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohad ber-hubung kesahihan data, ka-edah dan hasil penarafan yang digunakan.

Mengulas lanjut, Omar ber-kata, USM lebih mementing-kan matlamatnya melahirkan lebih ramai graduan berkua-liti dan dapat menyumbang terhadap pembangunan nega-ra sejarah dengan dasar ke-rajaan.

"Kedudukan selaku univer-siti terbaik dunia tidak ber-guna, jika sesebuah universiti itu gagal melahirkan graduan atau kajian yang boleh mendatangkan manfaat kepada proses perkembangan nega-ra," katanya.

“Walaupun USM berada dalam kelompok 350 universiti terbaik dunia mengikut penarafan itu, ada badan lain mengiktiraf beberapa pusat pengajian di USM sebagai antara 100 terbaik dunia”

**Prof Datuk Omar Osman,
Naib Canselor USM**